

BAB TIGA

Kaedah Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan strategi metakognitif dua orang murid tahun lima semasa mereka sedang mengikuti kelas pemahaman bacaan. Secara khusus, kajian ini akan meneliti strategi pemahaman bacaan yang murid gunakan semasa membaca, di samping mengkaji sejauh manakah murid menyedari tentang kewujudan dan penggunaan strategi tersebut.

Sehubungan itu, bab ini akan membentangkan aspek penentuan dan pemilihan tempat kajian dan peserta kajian, penentuan tempoh kajian, jadual kajian lapangan, tatacara pengutipan dan pengumpulan data, serta pencerakinan data yang menggunakan kaedah kajian kualitatif. Bab ini dimulakan dengan perbincangan tentang dasar pemilihan pendekatan secara kualitatif. Ini diikuti pula dengan huraian tentang penentuan dan pemilihan tempat kajian, peserta kajian, tempoh kajian, jadual kajian lapangan, prosedur pengutipan dan pengumpulan data, serta pencerakinan data.

Dasar Pemilihan Pendekatan Kajian Kualitatif

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab dua, bacaan adalah satu proses interaktif yang melibatkan berbagai faktor, baik yang terdapat di dalam diri pembaca, mahupun di luar. Pemahaman bacaan pula terbentuk hasil daripada tindak balas faktor-faktor tersebut. Sesuatu bahan yang dibaca misalnya, akan mudah difahami sekiranya pembaca telah pun mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan tajuk tersebut, bahasa yang digunakan dalam bahan tersebut adalah

mudah difahami, tajuknya menarik minat pembaca, dan suasana persekitaran pembaca menggalakkan proses pemahaman.

Tambahan pula, apa yang difahami selepas membaca adalah hasil aktiviti saat demi saat (Anderson, 1993). Oleh itu, maklumat tentang strategi metakognitif pemahaman bacaan yang pembaca gunakan boleh didapati sekiranya kajian yang melihat berlakunya proses tersebut daripada peringkat awal hingga kepada peringkat akhirnya dilaksanakan. Pandangan yang hampir sama pernah ditegaskan oleh Hewitt (1982). Menurut Hewitt (1982), "...we need to describe what readers do while reading and after they have read and to theorises about and discover what influences their comprehension and their conception of comprehension...." (hlm. 20).

Bagi mengetahui apa yang mempengaruhi hasil pemahaman pembaca, proses yang mereka lalui itu juga perlu diteliti. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif ini dipilih. Pengutipan data secara kualitatif ini membolehkan pengkaji melihat bukan sahaja apakah yang difahami oleh pembaca, tetapi juga mengapakah dan bagaimanakah murid memahami sesuatu petikan.

Lagipun, sebagai alat utama kajian, maklumat tentang apa yang pembaca lakukan semasa dan selepas membaca dapat diketahui secara langsung. Manusia sebagai alat utama kajian akan memahami sesuatu perlakuan manusia yang lain dengan lebih mendalam, di samping dapat bertindak balas kepada sesuatu situasi dengan cara memaksimumkan peluang pengutipan data yang ada dan seterusnya menghasilkan maklumat yang bermakna.

Kesimpulannya, kajian berbentuk kualitatif ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan sifat interaktif proses pemahaman bacaan itu sendiri. Selain itu, strategi metakognitif pemahaman bacaan bukan sesuatu yang wujud dengan sendirinya tetapi terbentuk akibat daripada proses yang berterusan dan sebagai alat kajian,

pengkaji dapat meneroka isu tersebut secara mendalam dan terperinci dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif ini.

Bahagian yang seterusnya akan menghuraikan aspek penentuan dan pemilihan tempat kajian dan peserta kajian. Penentuan dan pemilihan tersebut adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria. Kriteria tersebut akan diperincikan seperti yang berikutnya.

Pemilihan Tempat dan Peserta Kajian

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pemilihan tempat dan peserta kajian dalam kajian kualitatif selalunya dilakukan berasaskan beberapa kriteria. Oleh itu, dalam bahagian yang berikutnya, kriteria pemilihan tempat kajian dan peserta kajian akan dibentangkan.

Penentuan dan Pemilihan Tempat Kajian

Kriteria pertama pemilihan tempat dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada tujuan kajian. Memandangkan tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji penggunaan strategi metakognitif murid sekolah rendah, oleh itu tumpuan dan perhatian ialah terhadap sekolah rendah sahaja. Lantas, beberapa sekolah rendah telah ditinjau bagi dijadikan tempat kajian.

Di samping itu, bagi menjamin kejayaan kajian, tempat yang dipilih itu seelok-eloknya mudah didekati dan tidak rumit bagi menjimatkan masa kajian. Hal ini nampaknya adalah bertepatan dengan situasi pengkaji dari segi lokasi. Sekolah yang dipilih, terletak tidak jauh dari rumah pengkaji. Dengan itu, pengkaji dapat mengunjung sekolah tersebut dengan kerap. Tambahan pula, sekolah yang dipilih itu

merupakan sebuah sekolah yang menerima kehadiran pengkaji dengan tangan yang terbuka dan tanpa banyak kerendah.

Hal tersebut memudahkan pengkaji keluar-masuk ke kawasan kajian. Dalam konteks kajian ini, sekolah yang dipilih itu merupakan sebuah sekolah tempat pengkaji membuat kajian kecil pada suatu ketika dahulu. Justeru, penerimaan pihak pentadbir dan guru di sekolah tersebut, tidak lagi menjadi masalah. Malahan sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji sudah pun membuat kunjungan ke sekolah tersebut dan telah menyuarakan keinginan pengkaji secara lisan kepada pihak guru besar dan guru-guru yang akan mengajar tahun lima nanti.

Kriteria ketiga pemilihan tempat dalam kajian ini, adalah terletak kepada kemudahan pemilihan kelas. Bilangan murid di SKSI ialah 1436 orang (Bancian bulan Februari 1998). Jumlah murid yang ramai itu pula, memerlukan pembukaan kelas yang banyak. Murid tahun lima sahaja, ditempatkan di lima buah kelas yang berlainan. Dengan itu, pengkaji boleh memilih mana-mana kelas daripada lima buah kelas itu.

Kesimpulannya, tiga kriteria digunakan untuk menentukan pemilihan tempat yang menjadi sumber pengumpulan data kajian ini. Kriteria tersebut ialah tujuan kajian, kemudahan keluar-masuk ke kawasan kajian, dan pilihan yang luas.

Selari dengan penentuan dan pemilihan tempat kajian, pemilihan peserta kajian juga dilakukan. Seperti pemilihan tempat kajian, beberapa kriteria penentuan dan pemilihan peserta yang sesuai, juga diikuti. Kriteria-kriteria tersebut diuraikan di bawah tajuk kecil yang berikutnya pula.

Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian

Sebagaimana penentuan dan pemilihan tempat kajian, penentuan dan pemilihan peserta dalam kajian ini adalah juga tertakluk dengan tujuan kajian. (Merriam, 1988; Miles & Huberman, 1994). Pemilihan yang seperti itu menurut Merriam (1988) "...is based on the assumption that we wish to discover, understand, gain insight, therefore one need to select a sample from which one can learn the most....(hlm.48). Oleh kerana tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji strategi metakognitif pemahaman bacaan murid tahap dua sekolah rendah, kriteria pertama pemilihan ialah murid tahap dua. Murid tahun lima dipilih, kerana di samping tidak mengganggu perjalanan kelas peperiksaan, murid tahun lima juga pada tahap tersebut telah pun membaca bagi tujuan memahami seperti yang tercatat dalam Buku Panduan Khas Tahun Lima (1990).

Pada tahap tersebut, program bacaan murid bukan lagi belajar untuk membaca tetapi telah berubah kepada membaca untuk belajar. Malah pada peringkat itu, murid sudah pun dikehendaki membaca pelbagai jenis buku daripada pelbagai bidang. Jadi, kriteria pertama pemilihan peserta kajian ini adalah tertakluk kepada kehendak Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (1995). Semakin tinggi tahap pendidikan murid, semakin sukar pula bahan yang perlu dibaca. Lantaran itu, sebaiknya strategi metakognitif pemahaman bacaan murid tahun lima itu diteliti.

Tambahan pula, sebelum ini pengkaji pernah bekerja dengan institusi yang melatih bakal guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Jadi, di samping telah biasa dengan kurikulum sekolah rendah, pengkaji juga lebih memahami interaksi guru dan murid di dalam bilik darjah sekolah rendah daripada tahap persekolahan yang lain. Fakta itu telah mendorong pengkaji untuk memilih murid sekolah rendah dalam tahap dua sebagai peserta kajian.

Selain kriteria yang berkaitan dengan tujuan kajian dan kesesuaian dengan sukatan pelajaran, kriteria ketiga pemilihan peserta kajian adalah berlandaskan kepada persetujuan dan kesanggupan murid melibatkan diri dalam kajian ini. Perkara ini adalah penting kerana dalam kajian kualitatif, peserta kajian harus sanggup diperhatikan dan ditemu bual. Selain itu, peserta kajian juga harus bersedia memberikan kebenaran kepada pengkaji bagi meneliti bahan-bahan yang berkaitan dengan persoalan kajian seperti bahan bacaan dan buku latihan pemahaman mereka.

Di samping tiga kriteria utama tersebut, kriteria kebolehan pelajar membaca dengan lancar juga diambil kira. Oleh itu, sebelum pemilihan yang sebenar dilakukan, murid akan diminta membaca bahan yang dipilih oleh pengkaji sendiri. Pendek kata, pemilihan peserta dalam kajian ini adalah tertakluk kepada aspek membaca untuk belajar dan bukannya belajar untuk membaca. Selaras dengan itu, hanya murid yang menepati aspek tersebut sahaja dipilih. Sebagai pengesahan, pandangan guru yang mengajar Bahasa Melayu di kelas tersebut dan guru-guru mata pelajaran yang lain yang mengajar di kelas berkenaan, juga akan diminta.

Bagi mengurangkan pengaruh perbezaan guru dan perbezaan tahap pencapaian murid, peserta kajian yang dipilih itu seboleh mungkin berada dalam kelas yang sama dan di dalam kelas mereka duduk berhampiran antara satu sama lain. Hal itu membolehkan pengkaji membuat pemerhatian yang serentak terhadap setiap peserta kajian dalam sesuatu masa. Dengan itu, dua orang murid dari sebuah kelas tahun lima dipilih sebagai peserta untuk kajian ini.

Sebagai rumusan, lima kriteria digunakan bagi menentukan pemilihan peserta kajian. Kriteria tersebut ialah berasaskan kepada tujuan kajian, kesesuaian dan kehendak sukatan pelajaran, kesanggupan murid untuk bekerjasama, sudah boleh membaca dengan lancar, dan lokasi tempat duduk murid di dalam kelas.

Di samping menentukan pemilihan tempat dan peserta kajian, tempoh bagi melaksanakan kajian juga ditentukan. Ini adalah untuk melancarkan proses pengutipan dan pengumpulan data. Seajar dengan itu, penjelasan tentang penentuan tempoh kajian dibuat dalam bahagian yang seterusnya.

Tempoh Kajian

Tempoh kajian adalah merujuk kepada had masa kajian yang sebenar dijalankan. Ia bermula pada hari pertama pengkaji memulakan kajian sehingga pada hari terakhir pengkaji berada di sekolah tersebut. Perincian tentang penentuan tempoh kajian ini akan dihuraikan di bawah tajuk kecil yang berikut:

Penentuan Tempoh Kajian

Tempoh kerja kajian lapangan bagi kajian ini ialah selama dua bulan. Tempoh tersebut adalah dari 5 haribulan Januari 1998 hingga 10 haribulan Mac 1998. Penentuan tempoh masa ini menurut Jorgensen (dipetik daripada Marohaini Yusoff, 1996), adalah seajar dengan hal-hal seperti batasan tempoh kajian dan kewujudan sumber kajian. Memandangkan tempoh kajian projek kecil ini dijalankan ialah selama satu semester sahaja, oleh itu tempoh masa dua bulan itu difikirkan sudah memadai. Lagipun, dalam konteks kajian ini guru diperhatikan telah menggunakan hari Isnin, Selasa, dan Rabu untuk mengajarkan kemahiran pemahaman bacaan. Setiap pelajaran itu pula, selalunya mengambil masa satu jam atau dua waktu. Data yang diperoleh dalam tempoh masa tersebut, boleh dikatakan telah memadai bagi tujuan projek kecil ini. Selaras dengan keadaan ini, tempoh waktu tersebut telah dipilih.

Selepas membentangkan aspek penentuan dan pemilihan tempat kajian, peserta kajian, dan tempoh kajian, dalam bahagian yang berikutnya, huraian tentang jadual kajian lapangan akan dipaparkan.

Jadual Kajian Lapangan

Kerja lapangan bagi pengutipan data kajian ini mengambil masa selama dua bulan, iaitu dari bulan Januari sehingga Mac. Namun demikian, sebelum kajian sebenar itu dijalankan, pengkaji telah pun mengunjungi sekolah tersebut beberapa kali, iaitu sebelum semester kedua persekolahan (1997) berakhir. Tujuan kunjungan tersebut ialah untuk membuat tinjauan tentang penerimaan pihak sekolah, mendapatkan data-data asas yang diperlukan, dan bagi menjalin dan mengeratkan hubungan mesra dengan pihak yang terlibat.

Contohnya dalam kunjungan pertama ke sekolah berkenaan, pengkaji telah pun menyuarakan keinginan pengkaji untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut. Penerimaan yang baik daripada guru besar sekolah tersebut, telah membuatkan pengkaji mengunjungi sekolah itu sekali lagi dalam minggu yang berikutnya pula. Dalam perjumpaan kedua, pengkaji telah mendapatkan beberapa data yang asas seperti jumlah guru dan murid di sekolah tersebut, jumlah kelas tahun lima di sekolah tersebut, dan seterusnya guru yang mengajar Bahasa Melayu dalam tahun lima. Ini diikuti dengan lawatan tidak rasmi ke bilik guru, bagi berkenalan-kenalan dengan guru sekolah, terutamanya dengan guru tahun lima. Pendek kata, sebelum kajian yang sebenarnya dijalankan dan sebelum kebenaran rasmi diperoleh, pengkaji telah pun mengunjungi tempat kajian beberapa kali. Bagi memudahkan perbincangan, tempoh dan jadual kerja kajian lapangan itu dibahagikan kepada tiga peringkat.

Peringkat pertama kajian dilakukan pada awal Januari. Dalam tempoh tersebut, pengkaji bergaul dengan guru dan murid bagi memupuk kemesraan dan keakraban dengan pihak sekolah. Pada peringkat pertama ini juga, pengkaji mula membuat pemerhatian awal di dalam beberapa buah kelas tahun lima semasa pengajaran-pemelajaran Bahasa Melayu dijalankan.

Tujuan pemerhatian pada peringkat pertama ini ialah untuk mewujudkan kemesraan dengan pihak murid, di samping untuk membiasakan murid dan guru dengan kehadiran pengkaji di dalam bilik darjah. Dengan itu, guru dan murid yang terlibat diharapkan tidak merasa kekok dengan kehadiran pengkaji dan seterusnya dapat menerima pengkaji sebagai salah seorang daripada mereka. Sambil memerhati, pengkaji cuba mengenal pasti peserta kajian yang sesuai pada peringkat itu.

Sebaik sahaja pengkaji diterima oleh murid kelas itu sebagai salah seorang daripada anggota mereka, proses pengutipan data pun dimulakan. Pada peringkat kedua ini, pengkaji melakukan pemerhatian yang khusus terhadap peserta yang dipilih semasa mereka mengikuti kelas pemahaman bacaan Bahasa Melayu. Sambil memerhati, pengkaji merakamkan pengajaran guru dan tindak balas murid dengan menggunakan pita rakaman dan mencatatkannya ke dalam buku catatan lapangan.

Selain pemerhatian, murid dan guru juga ditemu bual pada masa-masa yang sesuai. Tujuannya ialah untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang mana-mana aspek yang kurang jelas. Seperti dalam hal pengajaran guru, temu bual tersebut juga dirakamkan dengan menggunakan pita rakaman.

Peringkat ketiga pula, merupakan peringkat akhir pengumpulan data dan dilaksanakan pada awal Mac. Pada peringkat tersebut, pengutipan dilaksanakan bagi menambahkan maklumat yang ada dan bagi menghalusi penemuan kajian.

Setelah membincangkan kriteria penentuan pemilihan tempat kajian, peserta kajian, tempoh kajian, dan jadual kerja kajian lapangan, dalam bahagian yang berikutnya pula, kajian ini akan memaparkan aspek tatacara kajian.

Tatacara Kajian

Bagi menjayakan kajian ini, keizinan daripada pihak-pihak yang terlibat telah dipohon. Antaranya termasuk keizinan daripada pihak Pejabat Pelajaran Negeri Selangor, pihak sekolah, ibu bapa murid yang terlibat, guru dan peserta-peserta yang dipilih. Langkah meminta keizinan itu diikuti pula dengan langkah berkenalan-kenalan dan mewujudkan “rapport” dengan pihak sekolah, terutamanya dengan guru dan murid yang terlibat. Untuk memungkinkan hal ini berlaku, pengkaji telah memasuki kelas-kelas terbabit lebih awal daripada tempoh pengutipan data yang sebenar. Misalnya, sekiranya pengutipan data dimulakan pada pertengahan bulan Januari, proses berkenalan-kenalan dan mewujudkan “rapport” dilaksanakan pada awal bulan Januari.

Selepas keizinan dan kepercayaan mereka yang terlibat diperoleh, proses pengutipan data pun dijalankan. Proses pengutipan data ini dijangkakan memakan masa selama lebih kurang dua bulan. Tiga teknik utama yang digunakan bagi mengutip dan mengumpulkan data itu ialah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Penggunaan pelbagai teknik itu menurut Merriam (1988), dapat mengukuhkan dapatan kajian kelak.

Kekurangan salah satu teknik dapat ditampung oleh teknik-teknik yang lain. Dalam hal ini Denzin (yang dipetik oleh Merriam, 1988) berpendapat bahawa penggunaan pelbagai teknik itu, dapat memberikan triangulasi kepada kaedah kajian kualitatif. Lebih lanjut lagi, dapatan kajian yang menggunakan pelbagai teknik ini

adalah lebih meyakinkan dan tepat (Yin, 1989) kerana disokong oleh maklumat daripada pelbagai sumber.

Oleh yang demikian, tiga teknik digunakan dalam kajian ini dan penerangan ringkas tentang setiap satu teknik akan dijelaskan secara berasingan. Ketiga-tiga teknik tersebut ialah pemerhatian dalam bilik darjah, temu bual dan bukti dokumen.

Pemerhatian dalam Bilik Darjah

Pemerhatian dalam bilik darjah adalah salah satu teknik terpenting dalam kajian kualitatif. Kaedah ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pengkaji melihat perlakuan peserta yang terlibat secara terus, tetapi ia juga membolehkan pengkaji mengesan perkara-perkara yang mungkin dianggap “kebiasaan” bagi mereka yang terlibat. Malahan melalui pemerhatian menurut Merriam (1988), pengkaji dapat melihat secara langsung tentang apa yang peserta kajian lakukan. Sejalan dengan itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian terhadap perlakuan peserta semasa mereka sedang melalui proses pemahaman bacaan di dalam bilik darjah.

Umpamanya, aktiviti bacaan kuat dianggap sebagai kebiasaan oleh salah seorang peserta dalam kajian ini.. Malahan jika dia tidak mendapat peluang membaca, peserta tersebut menunjukkan reaksi kecewa. Pemerhatian yang seterusnya menunjukkan perlakuan peserta kajian itu mempunyai kaitan dengan bentuk pengajaran guru pula.

Oleh itu, pemerhatian dalam konteks kajian ini bermaksud suatu aktiviti yang melibatkan pemerhatian dan catatan tentang apa yang peserta lakukan semasa membaca. Bersesuaian dengan itu, pengkaji telah memilih untuk mengambil tempat di suatu sudut bilik darjah yang bertentangan dengan peserta kajian tetapi tidak

menghalang pengajaran dan pembelajaran yang sedang murid lalui. Justeru, apa yang dilakukan oleh peserta kajian, dapat dilihat dengan jelas.

Memandangkan pemahaman bacaan tidak sahaja berlaku dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi juga di dalam mata pelajaran yang lain, oleh itu pengkaji turut membuat pemerhatian dalam lain-lain mata pelajaran, seperti Sains, mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Langkah tersebut dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi data-data yang diperolehi nanti.

Pemerhatian sahaja tanpa catatan, tidak akan membuahkan apa-apa data. Sebagai seorang manusia, perkara-perkara yang diperhatikan akan mudah dilupakan sekiranya ia tidak dicatatkan. Oleh itu, catatan lapangan perlu dibuat semasa pemerhatian sedang berjalan.

Di samping mencatatkan perkara-perkara yang diperhatikan dan yang didengar, pengkaji juga turut mencatatkan pemikiran dan pendapat pengkaji sendiri mengenai sesuatu perkara yang dilihat di sebelah catatan lapangan. Mana-mana perkara yang kurang jelas dan memerlukan tindakan selanjutnya, akan dikemukakan dalam bentuk temu bual pula. Dengan itu teknik pengutipan data yang kedua melibatkan temu bual dengan guru dan peserta kajian.

Temu bual

Temu bual merupakan satu keperluan dalam kajian kualitatif kerana seperti yang dinyatakan oleh Yin (1989), ia melibatkan kehidupan manusia. Perkara-perkara yang melibatkan manusia itu, harus diterjemahkan melalui pandangan mereka yang ditemu bual. Hal tersebut akan memberikan gambaran yang mendalam tentang sesuatu situasi, di samping menjelaskan lagi perkara-perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata. Secara tidak langsung, temu bual dapat membantu

orang luar memahami sesuatu kejadian melalui perspektif orang yang terlibat.

Pendek kata tujuan temu bual menurut Patton (dalam Merriam, 1988), ialah untuk mengetahui apa yang ada di dalam pemikiran seseorang.

Sehubungan itu, temu bual boleh disifatkan sebagai suatu saluran yang membolehkan pengkaji memahami dan mengetahui apa yang dialami atau difikirkan oleh peserta kajian. Temu bual adalah penting bagi kajian ini kerana pemahaman adalah suatu proses yang berlaku di dalam minda pembaca sebelum dilahirkan sama ada dalam bentuk lisan ataupun penulisan. Justeru, teknik temu bual digunakan bagi mencungkil maklumat yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan untuk mendapatkan pandangan mereka yang terlibat.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan temu bual separuh berstruktur. Mengikut Seliger dan Shohamy (1995), "...the semi structured interview consists of specific and defined questions determined before hand, but at the same time it allows some elaboration in the questions and answers...." (hlm. 167). Ini bermakna, walaupun tema tertentu telah disediakan terlebih dahulu, namun demikian soalan temu bual adalah juga bergantung kepada jawapan yang peserta kajian berikan. Walau bagaimanapun, untuk memastikan data yang dikutip itu tidak menyimpang jauh daripada persoalan kajian, tema-tema berikut telah digunakan sebagai panduan.

- (a) Persepsi murid terhadap bahan yang dibaca
- (b) Cara murid mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan pemahaman
- (c) Sebab-sebab murid menggunakan cara tertentu untuk mendapatkan jawapan, dan
- (d) Persepsi guru terhadap murid, pengajaran pemahaman bacaan, tugas pengajaran, falsafah dan pendekatan pengajaran pemahaman bacaan.

Rasional pemilihan temu bual separuh berstruktur itu adalah untuk memastikan proses tersebut berjalan secara lancar dan tidak kaku atau melompat-

lompat dari satu tajuk ke satu tajuk. Di samping itu, temu bual separuh berstruktur juga difikirkan tidak akan mengganggu perjalanan kelas yang berikutnya kerana lazimnya temu bual ini boleh dilakukan pada masa dan di tempat yang lain. Temu bual dengan guru misalnya, telah dilakukan semasa guru lapang atau sedang membuat persediaan di dalam bilik guru. Temu bual dengan peserta kajian pula, dilakukan di dalam bilik sumber selepas loceng terakhir berbunyi. Segala temu bual tersebut dirakam dan ditranskripsikan secara “verbatim”. Untuk mengelakkan data daripada kehilangan sekiranya berlaku kerosakan teknikal, catatan temu bual juga turut dibuat.

Data-data daripada catatan lapangan dan temu bual, perlu diperkukuh lagi melalui bukti-bukti yang diperoleh daripada dokumen. Lantaran itu, kaedah pengutipan yang seterusnya melibatkan proses mencari bukti daripada dokumen.

Bukti Dokumen

Yang dimaksudkan dengan dokumen dalam kajian ini, ialah segala jenis bahan bercetak dan bertulis yang didapati sama ada daripada peserta kajian, mahupun pihak sekolah. Antaranya termasuk buku latihan peserta kajian, ringkasan mengajar guru dan bahan-bahan pengajaran. Dokumen-dokumen ini digunakan untuk menambahkan maklumat dan dengan itu meningkatkan lagi kepercayaan kepada data-data sedia ada. Perkara yang sama pernah disuarakan oleh Norrizan Razali (1992).

Misalnya, untuk mengetahui sama ada peserta memahami sesuatu petikan atau tidak, pengkaji boleh melihat hasil buku latihan peserta berkenaan. Walaupun peserta mungkin menyatakan yang dia faham tentang apa yang hendak disampaikan oleh pengarang, tetapi sekiranya bukti dokumen menunjukkan sebaliknya pula, ini

bererti yang peserta tersebut tidak sedar akan masalah yang dihadapainya. Secara tidak langsung, perkara ini juga berkait dengan kesedaran kognitif peserta terhadap tahap pemahamannya atau apa yang dinamakan oleh Flavell (1981) atau Baker dan Brown (1984), sebagai metakognitif.

Sebagai kesimpulan, tiga teknik utama yang digunakan dalam kajian ini, iaitu pemerhatian di dalam bilik darjah, temu bual dan bukti dokumen.

Kepelbagaian kaedah tersebut akan menghasilkan data yang banyak dan satu cara pencerakinan yang sistematik dan teliti diperlukan.

Dalam bahagian yang selanjutnya, cara-cara data dicerakin dibentangkan. Ini diikuti pula dengan perincian tentang pencerakinan pada setiap peringkat, yakni pencerakinan semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data.

Cara-Cara Data Dicerakin

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pencerakinan data dalam kajian kualitatif berlaku serentak dengan pengutipan dan pengumpulan data. Walau bagaimanapun, data-data yang telah dicerakin semasa kutipan dilakukan, perlu disatukan bagi mendapat satu gambaran yang menyeluruh. Justeru, sebagaimana yang telah dinyatakan, pencerakinan data dalam kajian ini melibatkan dua peringkat, iaitu semasa dan selepas pengutipan data.

Pencerakinan Semasa Pengutipan Data

Kepelbagaian data, dan jumlahnya yang banyak, memerlukan pencerakinan dijalankan peringkat demi peringkat. Catatan lapangan misalnya, perlu disaring dan diringkaskan. Begitu juga dengan rakaman temu bual yang perlu ditranskripsi

dan disaring. Di samping itu, catatan tentang perasaan dan pemikiran yang pengkaji buat di sebelah catatan lapangan pula, perlu direnung dan dihuraikan semula dalam bentuk catatan refleksi. Akhir sekali, frasa-frasa dan ungkapan-ungkapan yang sering dituturkan oleh peserta, baik di dalam bilik darjah mahupun semasa ditemu bual, perlu diterjemahkan dalam bentuk konsep-konsep tertentu dan dihuraikan pula dalam bentuk catatan memo.

Selanjutnya, data-data yang telah dihurai dan diringkaskan itu, memerlukan cara penyimpanan yang sistematik untuk memudahkan ia dikesan. Dalam hal itu, pengkaji telah mengikuti cara penyimpanan yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994) serta yang dilakukan oleh Marohaini Yusoff (1996). Ini bermakna, tiga buah fail dibuka bagi penyimpanan data. Sebuah fail untuk menyimpan segala data yang berkait dengan guru, manakala dua lagi adalah untuk setiap peserta kajian. Sebaik sahaja data yang terakhir selesai dilaksanakan, proses pencerakinan data selepas kajian pula dibuat.

Pencerakinan Data Selepas Pengutipan Data

Walaupun penyaringan data telah pun dibuat semasa pengutipan data, tetapi penyaringan yang terakhir perlu dilakukan selepas itu. Sekiranya pada peringkat awal, penyaringan melibatkan pemilihan isi-isi penting, peringkat ini pula melibatkan proses pengekodan. Menurut Marohaini Yusoff (1996), "...pengekodan dibentuk berdasarkan kategori yang didasari oleh soalan kajian dan juga isu yang bersabit..." (hlm. 189). Dalam konteks kajian ini misalnya, pengekodan dibuat berdasarkan jenis strategi yang pembaca gunakan pada peringkat sebelum membaca, semasa membaca, dan selepas membaca. Di samping itu pengekodan juga dibuat berdasarkan kesedaran peserta tentang strategi-strategi yang telah mereka gunakan.

Data yang telah dikutip itu perlu disatu dan dibentangkan sebelum laporan yang terakhir boleh dilaksanakan. Seajar dengan itu, huraian tentang cara-cara data dibentangkan akan dibuat dalam bahagian yang selanjutnya.

Pembentangan Data

Sungguhpun pengekodan data telah dibuat, namun gambaran menyeluruh tentang jenis strategi dan proses penggunaannya, masih sukar dilihat sekiranya data-data tersebut tidak dibentangkan dengan jelas. Justeru, satu cara pembentangan yang menggunakan kad-kad indeks digunakan. Kad indeks merupakan himpunan data yang telah dikutip daripada ketiga-tiga kaedah kajian. Walaupun dipetik daripada sumber yang berlainan, tetapi idea yang hendak disampaikan mestilah sama. Misalnya idea yang jelas kelihatan dalam ringkasan catatan lapangan, temu bual, dan dokumen, dituliskan ke dalam satu kad indeks. Kad indeks peserta A, adalah berwarna biru, peserta B pula berwarna merah, dan kad indeks guru adalah berwarna kuning. Cara ini memudahkan pengkaji mencari maklumat peserta yang terlibat semasa hendak menulis laporan nanti.

Membuat Kesimpulan

Dapatan data yang telah dibentangkan, akan memudahkan pengkaji membuat penentuan tema atau pola dan seterusnya membolehkan pengkaji membuat pengelompokan tema-tema yang berkaitan. Jenis-jenis strategi yang peserta gunakan serta kesedaran mereka tentang penggunaannya boleh dilihat. Seterusnya, pola-pola yang muncul berulang kali, dijadikan panduan untuk membuat kesimpulan yang muktamat.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian kualitatif boleh dilakukan melalui proses triangulasi serta perbincangan dengan guru dan pensyarah penyelia. Dalam hal triangulasi, data-data yang diperoleh daripada sesuatu teknik telah dibandingkan dengan dapatan data daripada teknik yang lain. Misalnya, dapatan daripada pemerhatian boleh dibandingkan dengan dapatan daripada temu bual ataupun bukti dokumen.

Selain itu, triangulasi dalam sesuatu teknik juga dapat mengukuhkan sesuatu dapatan, di samping menjamin kesahan dan kebolehpercayaannya. Dapatan pemerhatian seseorang peserta kajian misalnya tidak saja bergantung kepada tindak balas peserta tersebut, tetapi juga dibantu oleh tindak balas daripada pihak guru dan murid yang lain. Lantaran itu, kesahan dalaman dan luaran sesuatu data dapat dipelihara.

Semasa data dikutip, pengkaji telah berbincang dengan para guru di sekolah tersebut, khususnya guru yang terlibat, bagi mendapatkan kepastian tentang sesuatu hasil data. Selepas kutipan data pula, perbincangan diadakan dengan pensyarah penyelia. Justeru, mana-mana masalah dan keraguan yang timbul, dapat diatasi melalui perbincangan dan secara tidak langsung, kebolehpercayaan data juga terpelihara.

Setelah kaedah kajian diceritakan dalam bab ini, bab berikutnya pula akan membentangkan hasil penemuan kajian ini.